

Bantuan STR naik RM3,700 sekeluarga

BERITA HARIAN 02 APR 2024

m/s: 2

Tambahan dana 20 peratus kepada RM1.5b berbanding RM1.26 bilion

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan bersetuju menambah peruntukan program subsidi bersasar Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 2 sebanyak 20 peratus kepada RM1.5 bilion berbanding RM1.26 bilion pada tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata penambahan itu bagi membantu rakyat berpendapatan rendah dan sederhana rendah menangani peningkatan kos sara hidup.

Beliau berkata, seramai 8.4 juta penerima STR Fasa 2 bakal menerima bayaran antara RM100 hingga RM650, esok.

“Insya-Allah, kerajaan akan tingkatkan lagi bantuan tunai kepada rakyat sejajar dengan penambahan fiskal negara termasuk pelaksanaan subsidi ber-

sasar kepada golongan yang benar-benar memerlukan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Bayaran STR itu turut disalurkan secara tunai melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) secara berperingkat mengikut kategori kelayakan masing-masing.

Mulai 2024, Kementerian Kewangan (MOF) memaklumkan kerajaan mengambil pendekatan baharu untuk membuka pendaftaran STR sepanjang tahun bagi memberi peluang kepada lebih ramai rakyat mendapat manfaat.

Bantuan SARA meningkat

Sementara itu, pada majlis perhimpunan bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) semalam, Anwar yang juga Menteri Kewangan memaklumkan untuk tahun ini kadar maksimum penerima STR menyaksikan peningkatan iaitu daripada RM3,100 pada tahun lalu kepada RM3,700 membabitkan peruntukan RM10 bilion.

Bantuan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang disalurkan Januari lalu juga meningkat lima kali ganda.

“Tahun 2023 (peruntukan SARA) RM130 juta, 2024 (peruntukan) RM700 juta, penerima dahulu untuk 2023 hanya miskin tegar, untuk 2024 kita tingkatkan untuk miskin tegar dan miskin

babitkan 700,000 penerima.

“Jadi saya minta saudara tolong jelaskan walaupun penjawat awam tidak semestinya campur arus politik, ini soal dasar kerajaan dan bagi fakta, kalau tidak, seolah (kita) tidak berbuat apa, ada yang mengatakan sejak kerajaan MADANI, tidak ada apa yang dilakukan dan sebahagian walaupun kata ya benar,” katanya.

Perdana Menteri juga menolak kritikan bahawa kerajaan tidak prihatin terhadap permasalahan dihadapi rakyat terutamanya membabitkan kos sara hidup.

Beliau menjelaskan harga bahan keperluan seperti ayam, telur dan minyak masak masih rendah serta stabil jika dibandingkan ketika kerajaan terdahulu.

“Saya bagi contoh tahun 2021 sebelum pertukaran kerajaan, berapa harga ayam? Sampai RM13 sekilogram (kg), sekarang jauh lebih rendah, minyak masak lima kg ketika itu mencecah RM45, jadi kawan pembangkang saya bisung tetapi dia lupa dan dia ingat kita pun lupa.

“Masa dia jaga, harga minyak masak untuk lima kg RM45 hingga RM50, sekarang sekitar RM27. Telur ayam, dahulu heboh tidak ada telur, sekarang stabil dan kita sudah guna penyelarasan subsidi, bayangkan harga ayam turun ketimbang dua tahun lalu tanpa bantuan siling,” katanya.